

10/02/1997

Kajian IPT ambil kira Putrajaya

KUALA LUMPUR, Ahad - Perpindahan kakitangan kerajaan ke Putrajaya menjelang tahun 2000 akan turut diambil kira dalam kajian semula imbuhan tetap perumahan (IPT) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membuat keputusan mengenai perkara itu selepas Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selesai menjalankan kajiannya berhubung tuntutan Cuepacs berkenaan.

"Perdana Menteri sendiri sudah menyebut bahawa kerajaan hanya akan menimbang kenaikan IPT selepas melihat komen dan memo daripada JPA, Jabatan Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi."

"Saya akan memanggil satu sidang akhbar selepas kerajaan membuat keputusan nanti," katanya kepada pemberita selepas mengadakan majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, petang ini.

Beliau ditanya sama ada kajian terhadap skim ITP itu turut mengambil kira perpindahan kira-kira 80,000 kakitangan awam ke pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putrajaya.

Pembangunan Putrajaya membabitkan pemindahan 18 kementerian akan menempatkan 76,000 kakitangan Kerajaan Persekutuan dengan pembinaan 1.5 juta meter persegi ruang pejabat.

Sebanyak 52,000 unit rumah akan dibina termasuk 17,500 untuk dijual kepada kakitangan kerajaan manakala selebihnya dijual kepada orang awam.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata keputusan mengenai tuntutan IPT masih bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Mengenai kadar dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tahun lalu, Anwar berkata, KWSP dijangka membuat pengumuman mengenai kadar baru dividen berkenaan tidak lama lagi.

Ditanya mengenai siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap kes Perwaja Steel, beliau berkata, kementerian masih belum menerima laporan terbaru mengenainya.

(END)